

20 APR 1998

KERAJAAN TIDAK PAKSA FIRMA BROKER SAHAM BERGABUNG

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Kerajaan tidak akan memaksa firma broker saham bergabung walaupun mereka digalakkan melakukannya untuk muncul dengan lebih kukuh, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau berkata: "Tiada paksaan ke atas mereka, kami tidak mahu menimbulkan masalah pembuangan pekerja dan masalah-masalah lain. Ini adalah kerana firma broker saham juga mempunyai peranan di sini dan kadang-kadang ia tidak boleh digabungkan.

"Bagaimanapun, mereka menyedari apabila mereka bersatu, mereka bukan sahaja menjadi kukuh tetapi kedudukan kewangan juga akan bertambah."

Bagaimanapun, beliau menyatakan banyak pertimbangan perlu diambil kira sebelum melakukan sesuatu penggabungan.

"Kadang-kadang, apabila kita memaksa penggabungan, ia tidak boleh berfungsi dengan baik.

"Mereka tidak boleh bekerjasama dan mungkin juga akan terdapat banyak masalah seperti pengangguran," tambahnya.

Bercakap kepada para pemberita selepas menyaksikan majlis permeterian antara Pribena Construction Sdn Bhd (PCSB) dan Persatuan Hokkien Selangor di Carcosa Seri Negara, beliau berkata jika mereka memutuskan untuk bergabung, ia boleh dilakukan dengan menggabungkan syarikat induk mereka, di mana dalam beberapa kes dengan bank atau dengan firma broker saham lain.

Semalam, Perdana Menteri berkata terdapat banyak firma broker saham dan syarikat kewangan dan mereka sepatutnya bergabung untuk menjadi syarikat besar agar mereka berupaya memenuhi cabaran.

Apabila ditanya sama ada kerajaan memilih untuk melihat syarikat broker saham itu bergabung, Dr Mahathir berkata: "(Ia) bukan pilihan...kami tidak memilih tetapi jika mereka memutuskan untuk melakukannya, mereka mestilah memastikan ia tidak akan mencetuskan masalah."

Bagi tarikh akhir untuk gabungan seumpama itu, Perdana Menteri berkata ia terserah kepada Kementerian Kewangan. -- BERNAMA

RAZ ZK OS